

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

**DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH :

20.3.2017 (ISNIN)

NO. SOALAN :

51

YB Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membantu usahawan-usahawan IKS memasarkan barang dan produk halal ke pasaran global.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawah Kementerian bagi membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berpotensi memasarkan barang dan produk halal ke pasaran global. Ini termasuklah penyediaan geran dan pinjaman mudah, latihan dan bimbingan, program promosi pasaran serta pembangunan pengeksport.

2. Melalui SME Corp. Malaysia, Kerajaan menyediakan bantuan geran dan pinjaman mudah di bawah Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB). Program ini yang dilaksanakan di bawah RMKe-11 bertujuan membantu meningkatkan keupayaan eksport PKS Bumiputera serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang mampu menembusi pasaran luar negara.

3. Sejak dilancarkan pada April 2016, sejumlah RM30 juta dana telah diperuntukkan di bawah skim ini. Sehingga kini, sebanyak 19 projek telah diluluskan kepada tujuh (7) buah syarikat dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM5.3 juta. Projek-projek yang diluluskan merangkumi aktiviti promosi dan pemasaran luar negara, penambahbaikan pembungkusan, pembangunan jenama, persijilan dan pematuhan piawaian antarabangsa, pembelian mesin dan modal kerja.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dengan kerjasama Halal Industry Development Corporation (HDC) turut merangka pelbagai program khusus untuk membimbing usahawan PKS mengembangkan pasaran dan mempromosi produk halal Malaysia ke pasaran global.

5. Antara program-program promosi pasaran produk halal yang telah dirangka oleh MATRADE yang dapat dimanfaatkan oleh PKS adalah pameran perdagangan luar negara, misi pemasaran khusus dan *International Sourcing Programme* (INSP), dan penganjuran *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) pada 5 – 8 April 2017 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

6. Penganjuran MIHAS 2017 adalah bertujuan mempromosikan Malaysia sebagai pusat penyumberan untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan halal di peringkat antarabangsa. Program Penyumberan Antarabangsa ini menyediakan platform bagi mempertemukan syarikat-syarikat IKS pengeluar produk dan perkhidmatan halal Malaysia dengan pembeli dari luar negara dengan cara yang lebih kos efektif.

7. Selain itu, MATRADE juga turut melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi untuk membantu PKS seperti:

- (i) program *Going Export* (Go-Ex);

Program ini bertujuan menangani masalah yang dihadapi oleh IKS bagi menembusi pasaran baharu di luar negara berikutan kos pendahuluan yang tinggi serta kurang pengetahuan mengenai persaingan dan pasaran baharu. Penganjuran program ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan dalam memperkasakan PKS di persada antarabangsa;

- (ii) program eTrade untuk menggalakkan PKS mengeksport secara atas talian; dan
- (iii) program Pembangunan Pengeksport untuk usahawan PKS Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP).

Tuan Yang di-Pertua,

8. Selain daripada MATRADE, HDC juga turut melaksanakan pelbagai program untuk membantu usahawan-usahawan IKS memasarkan barang dan produk mereka ke pasaran global dan ini termasuklah:

- (i) membantu usahawan-usahawan IKS menjalankan aktiviti promosi dan penjenamaan halal di bandar terpilih melalui ekspo-ekspo antarabangsa seperti CAEXPO di Nanning;

- (i) menggalakkan para usahawan menyertai platform e-commerce seperti Alibaba.com dan eHalal.com;
 - (ii) membantu para usahawan melaksanakan usahasama dengan pasaraya-pasaraya sedia ada seperti 7-Eleven; dan
 - (iii) menggalakkan kerjasama dengan pengedar barang antarabangsa seperti usaha sama dengan Grace Cup (pengedar produk makanan Malaysia di Hong Kong dan Macau).
9. Disamping itu, program pembinaan keupayaan (*capacity building*) turut diadakan bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia terutamanya IKS meningkatkan pengetahuan serta untuk menjadi lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa. Antara program-program yang diadakan termasuk wokshop dan seminar berkenaan industri halal seperti standard halal dan maklumat terkini pasaran halal antarabangsa. Kerajaan amat komited dan akan terus membantu usahawan IKS memasarkan barang dan produk halal ke pasaran global.